

20 OCT 2001

APEC-PEMIMPIN

MESYUARAT PEMIMPIN EKONOMI APEC KESEMBILAN BERMULA

Oleh: Mohd Kamel Othman

SHANGHAI, 20 Okt (Bernama) -- Mesyuarat Pemimpin-Pemimpin Ekonomi Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) kesembilan bermula di sini hari ini di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC) Shanghai dengan Taiwan tanpa diwakili.

Kecuali Taiwan, para pemimpin 21-ekonomi anggota termasuk Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka membincangkan agenda-agenda perdagangan, ekonomi dan perang terhadap keganasan.

Presiden China Jiang Zemin mempengerusikan mesyuarat itu.

Sebelum ini, Mesyuarat Para Pegawai Kanan (SOM) dan Mesyuarat Peringkat Menteri telah diadakan dan berakhir Khamis lepas.

Para ketua ekonomi yang tiba di ICC disambut oleh Jiang.

Mereka mengambil gambar secara berkumpulan sebelum menghadiri Taklimat Agenda Pemimpin-Pemimpin dan kemudian mengadakan dialog dengan Majlis Penasihat Perniagaan APEC, versi sektor swasta APEC.

APEC mengumpulkan Australia, Brunei, Kanada, Chile, China, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Malaysia, Mexico, New Zealand, Papua New Guinea, Peru, Filipina, Russia, Singapura, Korea Selatan, Taiwan, Thailand, Amerika Syarikat dan Vietnam. -- BERNAMA

MKO FR JR